



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Februari 2023
02 Sya'ban 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• 45 nelayan Vietnam ceroboh negara dedenda RM3.92 juta
Sinar Harian	• Didenda RM3.92 juta ceroboh perairan negara
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		9	23.02.2023



SEBAHAGIAN nelayan Vietnam didenda kerana menceroboh perairan negara oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

45 nelayan Vietnam ceroboh negara didenda RM3.92 juta

KUALA TERENGGANU - Seramai 45 nelayan Vietnam dihukum denda berjumlah RM3.92 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, kerana menceroboh perairan negara tahun lalu.

Hakim Noriah Osman memerintahkan demikian selepas lima tekong dan 40 awak-awak itu membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Mahkamah memerintahkan setiap warga asing itu menjalani

hukuman penjara selama empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Selain itu, mahkamah juga mengarahkan empat daripada lima bot nelayan Vietnam serta bekalan diesel bernilai RM6 juta dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Berdasarkan pertuduhan, kesemua mereka didakwa menceroboh perairan negara pada tahun lalu untuk menangkap ikan secara haram pada

kedudukan kira-kira 59 dan 135 batu nautika tenggara Kuala Terengganu.

Lima bot yang dinaiki terduduh berjaya ditahan Kapal Maritim (KM) Gemia dan KM Pekan milik Maritim Malaysia.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM6 juta membabitkan tekong dan RM600,000 bagi awak-awak jika sabit kesalahan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			28	23.02.2023

Didenda RM3.92 juta ceroboh perairan negara

Lima tekong bot dan 40 nelayan asing Vietnam terima padah tangkap ikan secara haram

Oleh RAHAYU MUSTAFA
KUALA TERENGGANU

Mahkamah Sesyen di sini menjatuhkan hukuman denda RM3.92 juta terhadap lima tekong bot dan 40 nelayan asing Vietnam kerana menceroboh dan melakukan penangkapan ikan secara haram di perairan negara.

Hakim Noriah Osman menjatuhkan hukuman itu mengikut Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM6 juta membabitkan tekong dan RM600,000 membabitkan awak-awak.

Sekiranya gagal membayar denda, tekong dan awak-awak itu boleh dipenjara minimum selama empat bulan.

Mahkamah turut memerintahkan empat daripada lima bot terbabit dan bekalan diesel dianggarkan bernilai hampir RM6 juta serta hasil laut yang



FOTO: MARITIM MALAYSIA

Sekiranya gagal membayar denda, tekong bot dan 40 nelayan asing Vietnam itu boleh dipenjara minimum selama empat bulan.

dirampas dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, semua terduduh didakwa menceroboh dan menangkap ikan secara haram pada kedudukan kira-kira 59 sehingga 135 batu nautika tenggara Kuala Terengganu pada tahun lalu.

Bot-bot berkenaan kemudian ditahan oleh Kapal Maritim (KM) Gemina dan KM Pekan yang melakukan rondaan di perairan negara.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kepten (M) Mohd Khairulnuar Abd Majid berkata, keputusan dibuat oleh mahkamah itu merupakan kejayaan Maritim yang berterusan dalam mengekang pencerobohan nelayan asing Vietnam.

"Maritim Negeri Terengganu akan terus melaksanakan pemantauan dan operasi secara berterusan agar perairan negara tidak diceroboh," katanya.